

# Strategi MK-Argumentatif Sebagai Amalan Pengajaran Menulis Berkesan Bagi Pelajar Tahun 9

## *(MK-Argumentative Strategies as an Effective Writing Teaching Practice for Year 9 Students)*

Nur E'zzati N. Zulkifli<sup>1</sup>, Sri Kartika A. Rahman<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam

\*Pengarang Koresponden: [kartika.rahman@ubd.edu.bn](mailto:kartika.rahman@ubd.edu.bn)

Received: 1 August 2023 | Accepted: 10 September 2023 | Published: 30 September 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.3.8>

---

**Abstrak:** *Kajian tindakan ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji sejauhmana strategi MK-Argumentatif membantu pelajar tahun 9 dalam menulis karangan argumentatif. Kajian ini melibatkan seramai 13 orang pelajar Tahun 9 di salah sebuah sekolah kerajaan di daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam. Instrumen yang digunakan untuk mengutip data ialah ujian prakajian, ujian pascakajian, pemerhatian dan temu bual untuk mendapatkan persepsi pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi ini banyak membantu pelajar meningkatkan pencapaian markah keseluruhan, mengembangkan isi karangan, dan menambahbaik aspek teknik dan bahasa pelajar. Selain itu, para pelajar juga memberikan respons yang positif mengenai penggunaan strategi dalam penulisan karangan dan akan menggunakannya pada masa akan datang. Kajian ini memberikan satu implikasi yang jelas terhadap pembelajaran yang lebih menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam penulisan di samping menambah corak pengajaran karangan yang lebih bersistematik dan tersusun.*

**Kata kunci:** pendekatan model, teks argumentatif, kajian tindakan

**Abstract:** *This action research was carried out with the aim of examining how MK-Argumentative strategies help year 9 students in writing composition. This study involved a total of 13 Year 9 students at one of the government schools in Brunei and Muara districts, Brunei Darussalam. The instruments used to collect data are pre-study tests, post-study tests, observations and interviews to get students' perceptions. The findings of the study show that this strategy greatly helps students to improve the achievement of the overall score, develop the content of the essay, and improve the technical and language aspects of the students. In addition, the students also gave positive responses regarding the use of strategies in writing essays and will use them in the future. This study provides a clear implication for learning that encourages students to think critically and creatively in writing in addition to adding a more systematic and organized essay teaching pattern.*

**Keywords:** modelling approach, argumentative text, action research

---

## 1. Pendahuluan

Kemahiran menulis merupakan kemahiran kognitif yang kompleks di dalam bidang bahasa. Menghasilkan sebuah karangan argumentatif yang menarik dengan penggunaan ayat yang gramatis serta penyampaian yang jelas merupakan satu tugas yang mencabar bagi pelajar. Pelajar sering menghadapi masalah dalam menghasilkan sebuah karangan yang baik dan guru pula menghadapi kesukaran dalam mengajarkannya. Rakaswi (2013) menekankan bahan pengajaran guru yang kurang menarik dan membosankan menyebabkan pelajar sukar memahami isi pelajaran dan menghasilkan karangan dengan baik. Pelajar kurang berminat untuk mengikuti pelajaran dan kurang kefahaman tentang ciri-ciri, struktur dan komponen sebenar perenggan argumentatif serta kurangnya latihan menulis yang menyebabkan pelajar keliru atau sukar memulakan sesuatu penulisan.

Berdasarkan hasil kajian Sri Kartika et al. (2013) dan kajian Nadzrah, Norsimah, dan Nor Hashimah (2011) pula mendapati ketidakupayaan pelajar untuk mengembangkan idea yang matang bersesuaian dengan umur mereka merupakan penghalang utama kepada keupayaan pelajar untuk menulis karangan. Sehubungan itu, ramai pengkaji lepas dan guru-guru Bahasa Melayu telah berusaha memperkenalkan pelbagai pendekatan, strategi, kaedah dan teknik untuk membantu meningkatkan kemahiran menulis pelajar. Antara kaedah pengajaran yang dipercayai boleh membantu mengatasi masalah tersebut ialah melalui strategi *Modeling* atau penggunaan model atau contoh karangan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan.

## 2. Pernyataan Masalah

Penulisan karangan merupakan salah satu kemahiran menulis yang penting kerana penulisan karangan ini dinilai dalam kertas I dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Yahya & Azmey, 2012). Penulisan karangan menyumbang sebanyak 50% bagi syarat lulus dalam pemarkahan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di Brunei. Malah, mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah adalah salah satu mata pelajaran teras dan wajib lulus jika ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di bawah dermasiswa kerajaan Brunei.

Tahap penguasaan bahasa yang tertinggi ialah kemahiran mengarang kerana menghasilkan sebuah penulisan karangan sememangnya memerlukan banyak aktiviti pemikiran termasuklah proses berfikir sebelum, semasa dan selepas karangan dihasilkan (Nawi, 2002). Bukan sahaja itu, bahkan penentuan tajuk, matlamat karangan, pemilihan kosa kata, penyusunan perenggan dan koheransi ayat turut menjadi aspek penting dalam penulisan karangan (Roselan, 2003). Namun begitu, menurut Nik Safiah (2004) dan Abdul Shukor (2001), kebolehan menulis ialah kemahiran bahasa yang paling sukar dikuasai oleh pelajar berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain. Akibatnya ramai orang yang masih belum mahir menulis lantaran menulis memerlukan proses pemikiran yang sulit dan rumit. Selain itu, untuk memastikan sesebuah karangan berjaya dihasilkan, pengarang mestilah mampu menyampaikan idea dengan tepat, jelas dan meyakinkan serta mengetahui sasaran khalayak karangan tersebut (Suppiah, 2006).

Pemilihan perkataan perlu disesuaikan dengan jenis karangan, sama ada berbentuk deskriptif, naratif, persuasif mahupun argumentatif. Karangan argumentatif atau perbincangan merupakan jenis karangan yang sering dipilih oleh pelajar dalam bahagian A Kertas 1 Bahasa Melayu dalam peperiksaan GCE 'O' Level di Brunei. Menurut Keraf (2007), argumentatif merupakan suatu bentuk retorik yang berusaha mempengaruhi sikap dan pendapat orang lain agar mereka percaya dan akhirnya bertindak sesuai dengan apa yang penulis atau penutur inginkan. Walau bagaimanapun, kemahiran menulis karangan argumentatif atau perbincangan ini masih dianggap sukar oleh kebanyakan pelajar. Ini kerana pelajar masih sukar mencari idea untuk

dijadikan topik yang kemudiannya dicurahkan dan dikembangkan menjadi satu penulisan yang teratur. Kesannya kemahiran menulis hujah pelajar kurang memuaskan.

Berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai guru pelatih pendidikan Bahasa Melayu ketika menjalani penempatan di salah sebuah sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara, pengkaji mendapati ramai pelajar masih menghadapi masalah dalam mengembangkan isi-isi karangan khususnya karangan argumentatif. Malah, kenyataan ini juga turut disokong oleh guru-guru berpengalaman mengajar Bahasa Melayu di sekolah tersebut. Mereka berpendapat bahawa pelajar sememangnya masih menghadapi masalah dalam penulisan karangan terutama dari aspek mengembangkan idea dan menghuraikan hujah atau isi karangan. Kebanyakan pelajar mengalami kesukaran dalam menghasilkan sebuah karangan dengan baik kerana tidak mampu menjana idea sehingga mengakibatkan penghuraian diberikan adalah pendek dan menyeleweng (Ahmad Fikri dan Zamri, 2019).

### **3. Tinjauan Literatur**

#### **3.1 Amalan Pengajaran Menulis Berkesan**

Sumber utama dalam mengenal pasti amalan pengajaran menulis berkesan ialah dengan mempelajari teknik-teknik penulisan daripada para penulis profesional, memahami amalan terbaik pengajaran menulis karangan daripada guru-guru cemerlang atau melaksanakan kajian-kajian saintifik. Berdasarkan kajian-kajian saintifik dan amalan terbaik pengajaran menulis karangan daripada guru-guru cemerlang mendapati terdapat empat perkara penting yang boleh guru amalkan sebagai pengajaran menulis berkesan di dalam bilik darjah. Empat perkara tersebut ialah (1) mewujudkan, membudayakan dan menyokong perkembangan penulisan di bilik darjah, (2) membantu pelajar menjadi penulis yang strategik, (3) membantu pelajar meningkatkan pengetahuan tentang penulisan, (4) membantu pelajar menguasai kemahiran asas menulis (Graham, 2008; Hochman et. al, 2017; Graham & Harris, 2019).

Terdapat lima cara dalam mewujudkan, membudayakan dan menyokong perkembangan penulisan yang positif di bilik darjah. Pertama ialah guru berperanan untuk memberikan motivasi dan menjadikan langkah-langkah proses menulis atau pendekatan proses iaitu merancang penulisan, membuat draf, menyemak kembali hasil penulisan dan mengedit kembali karangan sebagai rutin ketika menulis karangan. Kedua ialah guru mengukuhkan ciri-ciri penulisan yang baik seperti membuat pemilihan kosa kata yang baik dan guru memberikan pujian kepada pelajar mengenai penulisan yang baik secara spesifik dengan menerangkan kepada pelajar kenapa ciri-ciri tersebut adalah ciri-ciri yang baik dan diperlukan dalam penulisan. Ketiga, guru perlu menyediakan matlamat yang jelas, khusus dan mencabar bagi meningkatkan kualiti penulisan pelajar. Keempat ialah pelajar diberikan lebih masa untuk menulis lebih kerap dengan pelbagai tujuan seperti penulisan untuk memaklumkan, memujuk dan menghiburkan, menulis untuk audien and tujuan sebenar dan menulis dalam jangka masa yang panjang. Kelima, maklum balas guru kepada pelajar hendaklah konstruktif dan informatif, dan guru menyarankan strategi atau pengetahuan penulisan bagi meningkatkan kualiti penulisan pelajar.

Dalam membantu pelajar menjadi penulis yang strategik pula, guru harus berpegang kepada pendekatan proses, dan pengajaran dan pembelajaran menulis karangan yang diajarkan secara eksplisit. Menurut Graham et. al (2015), asas strategi menulis secara eksplisit melibatkan guru menerangkan kepada pelajar bila dan di mana untuk menggunakan strategi menulis, menggunakan dan memodelkan cara menggunakan strategi menulis, memberikan bantuan kepada pelajar dalam menggunakan strategi menulis sehingga mereka boleh menggunakannya

secara bebas dan berkesan. Kemudian, pelajar mengaplikasikan strategi menulis secara berterusan. Membantu pelajar menjadi penulis yang strategik juga memerlukan guru menyediakan dan memberikan beberapa model atau contoh teks karangan terbaik kepada pelajar untuk dibincangkan, diteliti dan dikaji. Selain itu, guru perlu mengenal pasti kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis secara spesifik dan mengatasinya dengan strategi yang spesifik. Sebagai contoh pelajar kurang berkemahiran dalam memberikan idea pada tahap perancangan penulisan. Maka guru memperkenalkan kaedah sumbangsaran, kaedah formula-akronim, kaedah *four-square* dan teknik pengurusan grafik. Jika pelajar menghadapi masalah membina ayat, maka guru menggunakan teknik-teknik bagi mengatasinya seperti teknik SALAK, teknik SAKAMB, teknik SAB, teknik Ayat topik dan ayat rangsangan.

Bagi membantu pelajar meningkatkan pengetahuan tentang penulisan pula ialah (1) pelajar perlu mengenal pasti ciri-ciri spesifik teks, dan (2) menyediakan pelajar model karangan yang baik mengikut jenis penulisan yang ingin dihasilkan. Setiap genre teks mempunyai ciri-ciri tersendiri. Sebagai contoh ciri-ciri asas teks naratif mengandungi latar belakang cerita, penerangan watak, peristiwa, tindakan dan peleraian masalah. Manakala, Kurnia (2012) berpendapat teks argumentatif ialah jenis penulisan yang mengemukakan pandangan penulis tentang sesuatu topik atau isu dan berusaha untuk mempengaruhi pembaca untuk mempercayainya. Menurut Toulmin et al., (1979), terdapat enam komponen dasar untuk menghasilkan karangan argumentatif. Setiap komponen tersebut memainkan peranan yang berbeza. Keenam komponen tersebut terdiri daripada 1) *Claim* (Dakwaan); 2) *Ground* (Sebab); 3) *Warrant* (Justifikasi); 4) *Backing* (Sokongan); 5) *Modal qualifier*, dan (6) *Rebuttal* (Percanggahan). Komponen *Claim* merupakan dasar dari perbincangan iaitu bukti yang relevan berdasarkan dakwaan atau tuntutan (Toulmin, dkk., 1979; Verheij, 2001). Manakala Keraf (2007) pula mengemukakan tiga komponen penting yang perlu ada dalam penulisan argumentatif iaitu dakwaan atau *claim*, bukti dan alasan sesuatu hujah.

Dalam menghasilkan sebuah karangan yang menarik, guru perlu menguasai pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas menulis untuk membantu pelajar menguasai kemahiran asas menulis karangan. Antara kemahiran asas menulis ialah kemampuan menulis huruf dengan jelas, menggunakan ejaan yang betul, kemahiran membina ayat, kemahiran memperkembangan idea, kemahiran membina ayat menjadi sebuah perenggan, menggunakan tatabahasa dan tanda baca dengan betul, memanfaatkan teknologi untuk penulisan karangan dan memanfaatkan kemahiran membaca.

Berdasarkan keterangan di atas, bagi mengatasi masalah dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti masalah spesifik pelajar iaitu lemah dalam mengembangkan isi-isi karangan argumentatif. Oleh yang demikian, intervensi pengajaran dalam kajian ini ialah dengan memberikan model atau contoh karangan yang baik. Selain itu, bagi menghasilkan karangan yang tepat dengan kehendak format karangan dan menarik untuk dibaca, pelajar juga perlukan pengetahuan tentang ciri-ciri karangan argumentatif. Oleh yang demikian, strategi model-karangan-argumentatif (selanjutnya strategi MK-Argumentatif) diaplikasikan sebagai intervensi dalam kajian ini.

### 3.2 Strategi Model-Karangan-Argumentatif

Strategi MK-Argumentatif dalam kajian ini adalah berdasarkan konsep *Modelling Strategy*. Konsep *Modelling* dalam pengajaran kemahiran menulis merujuk kepada penggunaan karangan model atau contoh untuk membimbing pelajar dalam proses menulis (Li, 2022). Holland et al. (1980) menyatakan strategi ini memerlukan pelajar belajar melalui pemerhatian (*observational learning*) iaitu bukan sekadar meniru tetapi merangkumi proses kognitif.

Dengan pemerhatian, pelajar dapat menganalisis dan mengkaji karangan model, pelajar belajar cara mengembangkan idea, menyusun hujah, menggunakan kosa kata dan tatabahasa yang sesuai dalam penulisan (Sulistyo, 2023).

Menurut Peloghitis et al. (2018) pula, model karangan ialah alat penulisan yang digunakan oleh guru untuk membantu pelajar menangani genre baharu yang akan dipelajari. Penggunaan model karangan menyediakan contoh konkrit untuk pelajar mengamati dan memahami apa yang diharapkan sebagai produk terakhir dan juga dapat memproses struktur retorik, konvensyen, dan ciri organisasi dalam sesuatu teks. Untuk mempelajari sesuatu model, Bandura (1977) melalui teori pembelajaran sosial telah membahagikannya kepada empat proses yang perlu dilalui iaitu perhatian atau pemerhatian (*observation*), pengekalan (*retention*), penghasilan semula (*reproduction*), dan pengukuhan (*motivation*). Bandura (1989) menyifatkan strategi *Modelling* adalah salah satu pemudahcara pembelajaran yang paling cekap untuk mempelajari sebarang kemahiran atau pengetahuan baharu. Mayer (1989) juga berpendapat bahawa dengan menunjukkan model karangan yang terbaik, ia dipercayai boleh membantu meningkatkan daya ingatan pelajar dan secara tidak langsung pelajar dapat mendisiplinkan diri menggunakan contoh kerangka model tersebut dalam penulisan karangan mereka. Di samping itu, kaedah ini juga sering ditekankan dalam pengajaran eksplisit. Dalam kaedah pengajaran eksplisit, *Modelling* merupakan komponen penting kerana kaedah modeling dilaksanakan bagi memberikan pengetahuan dan tunjuk cara yang dapat membimbing pelajar untuk melakukan tugas selanjutnya secara mandiri.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang tidak menyokong penggunaan model karangan sebagai alat bantu dalam penulisan karangan. Menurut Bawarshi (2000), penggunaan model karangan dalam penulisan boleh menyebabkan kreativiti pelajar tersekat. McCampbell (2012) pula berpendapat penggunaan model karangan bukanlah satu-satunya cara menyelesaikan masalah dalam penulisan tetapi model karangan hanya bertindak sebagai pemudahcara untuk memantapkan pembelajaran penulisan.

Dalam kajian ini, strategi MK-Argumentatif ditakrifkan sebagai strategi pengajaran yang dilakukan oleh guru dengan menunjukkan contoh atau model teks karangan argumentatif kepada pelajar dan pelajar akan mempelajari model tersebut berpandukan empat proses Bandura (1977) seperti berikut:

a) *Langkah Pemerhatian*

Guru akan memberikan beberapa model teks karangan argumentatif. Kemudian pelajar diminta untuk membaca, memerhati dan berbincang bersama rakan-rakan mereka mengenai ciri-ciri, struktur, organisasi dan bahasa yang digunakan dalam model karangan tersebut.

b) *Langkah Pengekalan*

Guru memberikan panduan mengenai komponen-komponen karangan argumentatif (rajah 1). Pelajar mengenal pasti komponen-komponen tersebut dan menandakan komponen-komponen tersebut dalam model teks karangan argumentatif yang guru berikan. Setelah itu, guru dan pelajar akan berbincang dalam memastikan pelajar memahami mengenai ciri-ciri teks argumentatif.

c) *Langkah Penghasilan Semula*

Pelajar diminta untuk menulis sebuah karangan argumentatif dengan tajuk yang baharu berpandukan kepada model teks karangan dan borang panduan komponen-komponen karangan argumentatif.

d) *Langkah Pengukuhan*

Pada langkah ini, pelajar dan guru akan berbincang mengenai hasil karangan yang baharu ditulis pelajar bagi mengukuhkan dan meyakinkan pelajar dalam menghasilkan sebuah

karangan argumentatif yang baik dan menarik serta bertepatan dengan tajuk yang berformatkan teks argumentatif.

Terdapat banyak kajian dengan kesan yang positif terhadap sesi pembelajaran menggunakan model karangan. Antaranya kajian Crinon dan Legros (2002) menunjukkan penggunaan model karangan terbukti dapat membantu peserta kajian mereka yang berumur lapan hingga sepuluh tahun dalam mengembangkan jumlah butiran isi yang dimasukkan dalam karangan naratif mereka setelah diperkenalkan strategi penggunaan model. Selain daripada itu, kajian Noraishah dan Sanisah (2014) pula menunjukkan peningkatan kemahiran pelajar menulis karangan dalam mengaplikasikan frasa berbunga. Kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan ungkapan berbunga yang menunjukkan emosi seperti kegembiraan, kesedihan, kemarahan, dan ketakutan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran *Modeling* berjaya membantu pelajar dalam meningkatkan kapasiti mereka untuk menghasilkan karangan yang berkualiti tinggi. Mereka turut berpendapat bahawa strategi *Modeling* mampu membantu menjelaskan konsep yang dikemukakan dengan mudah sehingga pelajar dapat mengatasi kekeliruan dengan mencipta hubungan kognitif yang signifikan melalui penggunaan model karangan tersebut.

Berdasarkan masalah kajian dan keterangan literatur di atas, satu kajian dilaksanakan dengan mengaplikasikan Strategi MK-Argumentatif dalam pengajaran menulis karangan. Oleh yang demikian, kajian ini ingin menjawab dua soalan kajian berikut:

- i. Bagaimanakah Strategi MK-Argumentatif membantu pelajar dalam kemahiran menulis karangan?
- ii. Apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan Strategi MK-Argumentatif dalam kemahiran menulis karangan?

<b>Panduan Perenggan Pendahuluan Argumentatif</b> (Adaptasi daripada Christiana, 2013)		
Komponen pendahuluan		Penanda wacana pendahuluan
<b>F</b>	Fokus	Pada era globalisasi ini/ Kebelakangan ini/ Sejak akhir-akhir ini/ Baru-baru ini/ Sejak zaman-berzaman/
<b>A</b>	Akibat	Kesannya/Natijahnya/Akibatnya/ Akhirnya
<b>C</b>	Contoh	Misalnya/Contohnya/ Sebagai contoh/ Tamsilnya/Seperti yang kita sedia maklum/ Antaranya adalah seperti/Satu contoh/Satu cara/Antara contoh
<b>L</b>	Langkah	Salah satu/ antara langkah
<b>K</b>	Kepentingan	Hal ini penting dalam /Ini membuktikan bahawa/ Jadi kita perlu/hendaklah

<b>Panduan Perenggan Isi Argumentatif</b>		
Komponen isi		Penanda wacana isi
<b>P</b>	Poin isi utama	Salah satu/ Selain itu/ Di samping itu/ Sementara itu/ Dalam pada itu/ Seterusnya
<b>H</b>	Huraian isi utama	Hal ini demikian kerana/ Hal ini berlaku kerana/ Hal ini disebabkan oleh / Hal ini berpunca daripada / Hal ini bersangkutan-paut dengan
<b>C</b>	Contoh	Misalnya/Contohnya/ Sebagai contoh/ Tamsilnya/Seperti yang kita sedia maklum/ Antaranya adalah seperti/Satu contoh/Satu cara/Antara contoh
<b>P</b>	Penjelasan (Punca, kesan atau cara mengatasi)	Punca : Hal ini berlaku kerana/ Hal ini terjadi kerana/ Hal ini mengakibatkan/ Maka/ Oleh sebab itu/ Jelaslah bahawa/ Kesan : Kesannya/Natijahnya/Akibatnya/ Akhirnya. Cara mengatasi : Sehubungan itu/ Justeru/ Oleh itu
<b>P</b>	Penegasan	Jelaslah bawah/ Oleh yang demikian/ Oleh itu/ Justeru itu

<b>Panduan Perenggan Penutup Argumentatif</b> (Adaptasi daripada Wiyanto, 2004)		
Komponen Penutup		Penanda wacana Penutup
<b>R</b>	Rumusan	Kesimpulannya/ secara keseluruhan/ Intihannya
<b>P</b>	Pendapat (penegasan isi utama)	Antara punca/antara kesan/ antara cara/ seperti mana yang dinyatakan
<b>C</b>	Cadangan	Sehubungan itu/Justeru/ Oleh itu
<b>Bi</b>	Bahasa indah	Bak kata pepatah/ Bak kata orang tua-tua /bagai/umpama
<b>H</b>	Harapan	Oleh yang demikian/ Dengan ini diharapkan / Demi merealisasikan

**Rajah 1: Panduan Komponen Model Teks Argumentatif**

## 4. Metod Kajian

### 4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan yang bertepatan dengan soalan kajian di atas. Kaedah penyelidikan ini mengintegrasikan teori dan tindakan untuk menangani masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Ateek, 2021). Kajian tindakan yang bersesuaian amalan profesional guru bagi membantu guru dan pelajar membina pemahaman yang lebih baik tentang pengajaran dan pembelajaran sama ada untuk mengatasi sesuatu masalah dalam pembelajaran di dalam bilik darjah atau meningkatkan pencapaian pelajar ataupun menambahbaik keberkesanan pengajaran guru (Gogus, 2012). Tambahan lagi, kajian tindakan merupakan kajian yang menggunakan satu prosedur dan proses yang perlu dilakukan secara sistematik seperti mengenal pasti masalah, melaksanakan intervensi dan perubahan dan menilai hasil setelah intervensi bagi mendapatkan data yang boleh dipercayai dari segi kesahihan dan ketepatannya (Othman, 2014).

Kajian ini mengadaptasi model kajian tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988) yang diringkaskan seperti berikut :

- i. *Merancang*: Pengkaji mengenal pasti masalah, menganalisis masalah secara sistematik, merumuskan persoalan kajian, menggariskan pelan strategik untuk tindakan mengatasi masalah yang dikenal pasti.
- ii. *Tindakan atau pelaksanaan*: Pengkaji melaksanakan intervensi atau tindakan untuk mengatasi masalah tersebut.
- iii. *Pemerhatian atau penilaian*: Pengkaji membuat pemerhatian hasil pelan strategik dan menilai tindakan yang diambil dalam fasa sebelumnya.
- iv. *Refleksi*: Pengkaji membuat refleksi secara kritis terhadap hasil penilaian dan keseluruhan tindakan dan mengenal pasti masalah baru dan proses untuk bermula semula.

## 4.2 Peserta Kajian

Menurut Azizi Yahaya et al., (2017), dalam kajian tindakan, guru tidak diperlakukan sebagai objek kajian, melainkan ikut serta dalam kegiatan penyelidikan untuk memperbaiki dan menyempurnakan proses pembelajaran di kelas bagi mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Kajian ini melibatkan pengkaji sendiri sebagai guru-pelatih bagi subjek Bahasa Melayu yang ditempatkan di salah sebuah sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara. Pelajar yang terlibat terdiri daripada 13 orang pelajar Tahun 9 yang berumur di antara 14 hingga 15 tahun. Keseluruhan pelajar yang dipilih adalah dari sebuah kelas yang sama dan mereka yang terdiri daripada pelbagai aras kebolehan iaitu pada tahap baik, sederhana dan lemah. Dalam kelas tersebut, turut terdapat sekumpulan pelajar yang menghadapi masalah dalam menghasilkan sebuah karangan dengan baik dan menepati kehendak penulisan teks argumentatif.

## 4.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat atau prosedur yang digunakan untuk mengumpul data atau sesuatu maklumat secara sistematik (Lay & Khoo, 2012). Berdasarkan soalan kajian, kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, ujian prakajian dan pascakajian serta panduan pertanyaan untuk kaedah temu bual. Dalam ujian pelajar diberikan satu tajuk karangan genre argumentatif dan meminta pelajar untuk menulis karangan dengan tidak kurang daripada 300 patah perkataan. Markah yang digunakan untuk memeriksa ujian prakajian dan pascakajian diadaptasi daripada skim pemarkahan peperiksaan Bahasa Melayu GCE 'O'Level atas persetujuan dua orang guru Bahasa Melayu yang berpengalaman. Markah keseluruhan menulis karangan ialah 50 markah.

Dalam peperiksaan Bahasa Melayu GCE 'O'Level, markah bagi karangan dibahagikan kepada tiga kriteria utama iaitu isi, bahasa dan teknik. Walau bagaimanapun, setiap kriteria ini dihuraikan mengikut kehendak ciri-ciri karangan argumentatif iaitu kriteria isi mengandungi komponen-komponen yang dinyatakan dalam rajah 1 dan jumlah markah bagi kriteria isi ialah 30 markah. Kriteria bahasa sebanyak 15 markah mengandungi komponen binaan ayat, penggunaan wacana, penggunaan kosa kata, tanda baca dan ejaan. Manakala, kriteria teknik pula sebanyak 5 markah sahaja yang mengandungi komponen perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup dan kesinambungan setiap perenggan dengan tajuk karangan.

## 5. Dapatan Kajian

### 5.1 Strategi MK-Argumentatif dalam Kemahiran Menulis Karangan

Hasil dapatan dari ujian prakajian dan ujian pascakajian telah dianalisis secara deskriptif. Dalam kajian ini, markah ujian prakajian dan pascakajian telah digunakan untuk mengenal




pasti jika strategi MK-Argumentatif membantu pelajar dalam menulis karangan. Rumusan bagi markah pelajar dalam kajian ini adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Rumusan markah ujian prakajian dan pascakajian**

Pelajar	Markah keseluruhan		Markah kriteria isi		Markah kriteria bahasa		Markah kriteria teknik	
	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca
P1	27	43	16	28	8	11	3	4
P2	25	47	26	30	7	13	2	4
P3	25	45	14	29	8	12	3	4
P4	25	39	17	26	5	9	3	4
P5	19	38	12	24	5	10	2	4
P6	19	32	12	19	5	9	2	4
P7	18	28	12	18	4	7	2	3
P8	18	25	12	17	4	5	2	3
P9	17	32	11	21	4	8	2	3
P10	17	29	12	19	3	7	2	3
P11	16	30	12	21	3	6	1	3
P12	15	25	9	15	4	7	2	3
P13	13	28	8	16	4	7	1	3


Berdasarkan jadual 1 di atas menunjukkan markah keseluruhan penulisan karangan antara markah ujian prakajian dan ujian pascakajian meningkat setelah strategi MK-Argumentatif diberikan kepada pelajar. Ini menunjukkan strategi ini mampu membantu pelajar memperolehi markah keseluruhan karangan dengan lebih baik. Perkara ini selaras dengan kajian Noraishah dan Sanisah (2014) yang menggunakan teknik *modeling* untuk mengajar penggunaan frasa berbunga dalam pengajaran intervensi mereka. Setelah pengajaran intervensi dijalankan, 44.8% pelajar telah memperolehi sekurang-kurangnya 70% markah atau lebih bagi peperiksaan akhir tahun berbanding dengan 33.9% pelajar dalam peperiksaan pertengahan tahun. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan model pengajaran menulis frasa berbunga mampu membantu pelajar menulis karangan yang bermutu.

Selain itu, markah kriteria isi, bahasa dan teknik menunjukkan peningkatan pada ujian pascakajian. Setelah strategi MK-Argumentatif diperkenalkan kepada pelajar, pengkaji telah mendapati bahawa pengolahan idea pelajar terhadap isi karangan di dalam ujian pascakajian adalah lebih jelas dan dihuraikan secara terperinci, teratur serta tersusun tanpa mencantumkan dengan idea utama yang lain berbanding hasil karangan pelajar pada ujian prakajian yang kebanyakan mereka menyatakan kesemua idea utama dalam satu perenggan tanpa penjelasan lanjut (rajah 2 dan 3).




**Rajah 2: Contoh perenggan isi pelajar 2 dalam ujian prakajian**

Rajah 2 merupakan salah seorang peserta kajian yang menjadi contoh dalam menerangkan perenggan isi. Peserta ini merupakan pelajar 2 yang menulis empat idea utama seperti yang digaris merah di atas. Namun kesemua idea utama tersebut telah dicantumkan dalam sebuah perenggan tanpa memberikan penghuraian yang jelas. Walaupun secara umumnya penulisan ini boleh diterima tetapi penulisan perenggan ini agak merugikan pelajar kerana pelajar boleh menghuraikan setiap idea dengan memberikan contoh-contoh atau maklumat-maklumat yang relevan agar penyampaian idea lebih mantap. Setelah intervensi diberikan, hasil penulisan pelajar 2 menunjukkan peningkatan dalam ujian pascakajian. Berdasarkan rajah 3 di bawah, idea utama (garis merah) diolah dalam sebuah perenggan dan dijelaskan secara terperinci, teratur dan tersusun tanpa mencantumkan dengan idea utama yang lain.



Rajah 3: Contoh perenggan isi pelajar 2 dalam ujian pascakajian

Berdasarkan pengamatan pengkaji juga turut mendapati bahawa hampir semua perincian atau butiran isi karangan pelajar di dalam ujian pascakajian lebih panjang berbanding jumlah butiran isi karangan pelajar dalam ujian prakajian sebagai contoh rajah 4 di bawah. Ini menunjukkan bahawa strategi yang digunakan juga turut membantu pelajar dalam meningkatkan jumlah patah perkataan karangan sehingga majoriti pelajar mampu menghasilkan sebuah karangan argumentatif yang mencapai 300 patah perkataan ke atas berbanding dalam ujian prakajian yang hanya mampu dihasilkan oleh pelajar di antara jumlah 180-200 patah perkataan sahaja.



Rajah 4: Contoh butiran isi perenggan isi pelajar 3 dalam ujian prakajian (gambar atas) lebih sedikit jika dibandingkan dengan butiran isi dalam ujian pascakajian (gambar bawah)

Selain kriteria isi, berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap kriteria bahasa juga turut menunjukkan terdapatnya peningkatan pada markah kriteria bahasa pelajar setelah intervensi diberikan kepada mereka. Sebagai contoh, Pelajar 2 telah menunjukkan kemampuan menulis ayat yang gramatis dari segi kata dan ayat-ayat yang dibina dalam ujian pascakajian. Selain itu, pelajar 2 juga menunjukkan wacana yang menarik, bersepadu dan berkesan, serta mengandungi bunga-bunga bahasa. Terdapat juga penggunaan kosa kata dan tatabahasa yang luas secara konsisten dan ketepatan dari segi tanda baca dan ejaan. Hal ini berbeza sebelum intervensi diberikan. Dalam ujian prakajian, pelajar 2 menulis ayat yang kurang gramatis serta terdapatnya kesalahan tatabahasa dan struktur ayat. Ini menunjukkan strategi ini mampu membantu pelajar dalam menulis karangan dengan lebih baik dan menepati kehendak kriteria bahasa.

Menurut Eastman (1984) kosa kata dan tatabahasa pelajarinya meningkat hasil daripada menggunakan teknik *modeling* dalam penulisan. Menurut beliau kebanyakan imitasi di dalam penulisan adalah berbentuk pilihan daripada keseluruhan model seperti struktur ayat, tatabahasa, penggunaan leksikal mahupun apa jua pendekatan yang diperkenalkan kepada pembaca. Justeru itu, pelajar yang mengimitasi dapat mengaplikasi model secara selektif sama ada mengolah kembali ayat di dalam penulisan atau mengadaptasi teknik mahupun gaya penulisan daripada model karangan tersebut.

Markah bagi kriteria teknik dalam penulisan karangan pelajar juga meningkat. Dari pengamatan pengkaji, dengan menganalisis dan mengkaji model tersebut, pelajar boleh belajar tentang struktur, organisasi, dan bahasa yang digunakan dalam sesuatu jenis penulisan yang dijadikan model tersebut. Selain itu, penggunaan model di dalam penulisan karangan juga dapat membantu mengembangkan kemahiran berfikir kritis pelajar dengan menggalakkan mereka menganalisis dan menilai kepelbagaian isi kandungan, wacana, tatabahasa mahupun struktur sesuatu karangan itu.

## 5.2 Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Strategi MK-Argumentatif dalam Kemahiran Menulis Karangan

Temu bual telah dijalankan ke atas enam orang pelajar untuk mendapatkan persepsi pelajar mengenai strategi MK-Argumentatif pembelajaran karangan. Analisis kandungan secara deksriptif telah dilaksanakan bagi mendapatkan data temu bual.

### 1. Apakah masalah yang sering pelajar hadapi ketika menulis karangan argumentatif?

Majoriti pelajar menyatakan mereka menghadapi kesukaran dalam menulis karangan argumentatif. Antara masalah yang sering dihadapi pelajar dalam penulisan isi karangan ialah poin isi bercantum dalam satu perenggan, sukar mengenal pasti isi penting dan membahagikan isi dalam setiap perenggan, bahkan pelajar sering menghadapi kesukaran dalam menghuraikan idea. Antara contoh hasil temu bual pelajar 1, 2 dan 3 adalah seperti berikut:

Pelajar 1: “... sukar menghuraikan ayat sama [dan] isi karangan.”

Pelajar 2: “... poin isi selalu ditamukan [dicantumkan] dalam satu perenggan.”

Pelajar 3: “... payah mencari ia punya isi penting”

Menurut Kamaruddin et al. (1997) ada menyatakan punca kelemahan aspek isi dalam penulisan karangan adalah disebabkan oleh ketiadaan isi utama dalam sesebuah perenggan. Akibatnya, penghuraian tentang isi utama menjadi lemah kerana isi karangan tersebut tidak mempunyai urutan huraian yang jelas dari satu fakta ke satu fakta yang lain. Menurut Noor Habsah dan Yahya (2018) pula berpendapat, kelemahan pelajar dalam penulisan adalah disebabkan oleh

terhadapnya penguasaan kosa kata yang menyebabkan pelajar tidak dapat menghuraikan idea dalam penulisan dengan bernas.

Hasil temu bual juga mendapati, sebahagian pelajar menyatakan mereka tidak tahu menggunakan penanda wacana dan masih menghadapi kesukaran dalam menjeja dan tanda baca. Selain itu, pelajar juga menyatakan untuk menghasilkan 300 patah perkataan adalah bukan perkara yang mudah. Menurut Zaliza (2017), kelemahan penulisan karangan pelajar berlaku disebabkan terdapatnya kekeliruan dan kekurangan dalam penguasaan sistem bahasa.

## 2. Bagaimanakah strategi ini membantu pelajar dalam menulis karangan argumentatif?

Hasil temu bual bersama pelajar menunjukkan respons yang positif terhadap penggunaan strategi MK-Argumentatif. Majoriti pelajar berpendapat dengan menggunakan strategi ini, mereka dapat mengenal pasti isi utama dan seterusnya membantu mereka mengembangkan idea berbanding komponen. Mereka juga dapat menyusun perenggan secara berstruktur dan jumlah patah perkataan mampu mencapai 300 patah perkataan. Berikut adalah antara contoh respons pelajar mengenai hal ini:

Pelajar 1: “Menurut pendapatku, ianya [menulis karangan menjadi] senang [mudah] kerana banyak idea pakai [menggunakan] komponen yang cikgu ajar...”

Pelajar 2: “Karangan itu jadi senang [mudah] pasal dapat mengembangkan poin-poin penting”

Pelajar 3: “Sebab kalau [menulis] karangan itu minta [perlukan] 300 patah perkataan atau lebih, ia [strategi ini] macam senang [menjadi mudah] untuk dibahagi-bahagikan ke [kepada beberapa] perenggan isi [... akan datang] akan digunakan sebab ia [strategi ini] senang, memudahkan cari idea dan membahagikan perenggan ”

Pelajar 5: “Sebab formatnya ada sana sama ia itu [contoh karangan]... ia [panduan] bagi tips macam mana membuat karangan”

Pelajar 6: “... [strategi ini] akan digunakan [pada masa hadapan] kerana senang untuk skor markah”

Hasil dapatan selaras dengan kajian Crinon dan Legros (2002) yang menyatakan bahawa penggunaan model dapat membantu pelajar mereka mengenal pasti isi yang relevan untuk dikembangkan dalam penulisan karangan mereka. Kajian Liaghat dan Biria (2018) pula mendapati penggunaan model teks lebih efektif khususnya dalam meningkatkan ketepatan bahasa dalam penulisan seperti ketepatan dalam tatabahasa, morfologi, ejaan dan tanda baca. Menurut Peloghitis dan Ferreira (2018) pula, penggunaan model dapat memberi peluang pelajar untuk menganalisis dan mengenal pasti keseluruhan format, struktur dan ciri-ciri linguistik berdasarkan genre yang terdapat di dalam model karangan tersebut. Sebahagian mereka juga berpendapat akan menggunakan strategi ini dalam penulisan karangan pada masa akan datang kerana pelajar merasakan strategi ini mudah dilaksanakan dan percaya strategi ini boleh meningkatkan skor penulisan karangan mereka. Hasil dapatan ini menunjukkan strategi MK-Argumentatif telah membantu pelajar meningkatkan mutu penulisan mereka dan turut membantu mengatasi masalah yang dihadapi dari aspek isi, bahasa mahupun aspek teknik. Selain itu, kajian ini menunjukkan strategi ini sesuai dengan pelajar tahun 9 dan langkah-langkah pengajaran dalam strategi ini adalah jelas dan mudah diikuti oleh pelajar.

#### 4. Kesimpulan

Secara kesimpulan, pengajaran melalui Strategi Model-Karangan-Argumentatif ini mampu mendorong pelajar untuk menghasilkan sebuah penulisan yang berstruktur, tersusun, dan gramatis dengan penghuraian idea-idea, hujah dan pendapat yang baik dan mantap. Dengan respons yang positif daripada pelajar ini telah menunjukkan strategi yang digunakan bukan sahaja dapat memudahkan guru, malah boleh menjadi salah satu strategi berkesan yang boleh diamalkan oleh guru sebagai pemudahcara dalam menyampaikan pengajaran menulis karangan bagi membantu pelajar menangani genre baharu khususnya dalam penulisan karangan argumentatif pelajar Tahun 9.

Penerapan model karangan yang digabungkan dengan komponen-komponen teks argumentatif yang disediakan oleh guru mampu membantu pelajar dalam mengenal pasti struktur karangan argumentatif yang terbaik dan seterusnya menjadikannya sebagai panduan untuk memenuhi standard jangkaan guru. Penerapan *modeling* dalam langkah pengajaran, pemilihan pedagogi yang efektif serta komunikasi yang wujud antara guru dan pelajar dalam proses pengajaran sudah pasti akan memberikan impak yang positif dalam pencapaian akademik pelajar.

Selain itu, strategi ini mampu membantu mengatasi masalah pelajar dalam mengembangkan isi karangan argumentatif malahan dapat memperbaiki aspek bahasa seperti penanda wacana, kosa kata, tatabahasa dan ayat, hasil daripada imitasi model karangan yang telah dilaksanakan sehingga pelajar mampu mengaplikasikannya di dalam karangan ujian pascakajian secara mandiri. Oleh yang demikian, model karangan bukan sahaja membantu pelajar membentuk satu sasaran atau penanda aras mengenai sebuah karangan yang baik tetapi model karangan juga berfungsi sebagai sumber inspirasi dan kreativiti yang boleh membantu pelajar menjana idea dan mengembangkan gaya penulisan mereka.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan strategi ini dapat disampaikan dengan berkesan, guru-guru perlu menyediakan sumber-sumber karangan yang baik sebagai rujukan atau model kepada pelajar bagi membantu pelajar meneliti dan membuat pemerhatian mengenai isi, bahasa dan teknik mengikut jenis karangan dan penulisan yang diinginkan. Oleh itu, guru-guru bahasa hendaklah kreatif dalam mencari bahan bacaan yang bersesuaian untuk dijadikan model karangan terbaik. Selain itu, guru perlu menyediakan rubrik yang jelas dengan jenis teks karangan dan seterusnya dalam memastikan 'keadilan' dalam penilaian, guru perlu mengongsikan dan berbincang dengan pelajar mengenai komponen-komponen atau kriteria-kriteria yang dinyatakan dalam rubrik tersebut. Ini kerana rubrik yang jelas dan difahami oleh pelajar akan menjadi panduan kepada pelajar agar dapat memudahkan lagi pelajar memenuhi standard penulisan yang dikehendaki di samping dapat meningkatkan mutu karangan mereka.

#### Rujukan

- Abdul Shukor Shaari. (2001). Penulisan karangan:Beberapa proses yang harus. *Jurnal Dewan Bahasa*. 1(2), 24-27.
- Ahmad Fikri Ab. Rahman & Zamri Mahamod, (2019) Teknik lakaran bersama peta alir i-Think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)*, 9 (1). 12-22.
- Ateek, M. (2021). Extensive reading in an EFL classroom. Impact and learner's perceptions. *Eurasian Journal of Applied Linguistics*. 7(1), 109–131.

- Azizi Yahaya, Sri Kartika A. Rahman, Abu Bakar Madin, Hanapi Mohamad, Suraya Tarasat dan Baharudin Mohd Arus. (2017). *Membuat Penyelidikan Dengan Mudah*. Bandar Seri Begawan. UNISSA Press.
- Bandura, A. (1989). Human agency in social cognitive theory. *American Psychologist*, 44, 1175–1184.
- Bawarshi, A., & Reiff, M. (2010). *Genre: An Introduction To History, Theory, Research, And Pedagogy*. Parlor Press.
- Crinon, J., & Legros, D. (2002). The semantic effects of consulting a textual database on rewriting. *Learning and Instruction*, 12 (6), 605-626.
- Eastman, Richard M, (1984). *Writing And Reading As The Discovery Of Outlook*. Oxford University Press.
- Gogus, A. (2012). Action Research On Learning. Dalam Seel, N.M. (eds) *Encyclopedia of the Sciences of Learning*. Springer.
- Graham, S. (2008). *Effective Writing Instruction For All Students*. Wisconsin: Renaissance Learning.
- Graham, S., & Harris, K. R. (2019). Evidence-based practices in writing. In S. Graham, C. MacArthur, & M. Hebert (Eds.), *Best practices in writing instruction* (hlm. 3–28). The Guilford Press.
- Graham, S., Hebert, M. & Harris, K. R. (2015). Formative Assessment and Writing: A Meta-Analysis. *The Elementary School Journal*, 115 (4), 523-547.
- Hochman, J., Wexler, N., & Lemov, D. (2017). *The Writing Revolution: A Guide To Advancing Thinking Through Writing In All Subjects And Grades*. Jossey-Bass.
- Holland C. J., Kobasigawa A. (1980). Observational Learning : Bandura. In G. M. Gazda & R. C. Corsini (Eds.), *Theories of learning* (hlm. 370-403). Peacock.
- Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz (1997). *Penguasaan Kemahiran Menulis*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Keraf. G. (2007). *Argumentasi dan Narasi*. Gramedia Pustaka Utama.
- Kurnia, Deka. (2012). *Upaya Meningkatkan Keterampilan Menulis Argumentasi Dengan Menggunakan Metode Jigsaw Pada Siswa Kelas XB SMA Islam*. Gamping Sleman Yogyakarta. Lumbung Pustaka Universitas Negeri Yogyakarta.
- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon. (2012). *Pengenalan Kepada Pendekatan Dalam Penyelidikan Pendidikan*. University Malaysia Sabah.
- Li, L. (2022). Model Essay Recommendation Method Based On Constant Evaluation Of Writing Ability and Preference. Dlm Zehui Zhan, Bin Zou & William Yeoh (Eds.), *Proceedings of the 2022 3rd International Conference on Big Data and Informatization Education (ICBDIE 2022)*, (hlm. 1061-1069). AHCS. <https://www.atlantispress.com/proceedings/icbdie-22/125979487>
- Liaghat, F., & Biria, R. (2018). A Comparative Study On Mentor Text Modelling And Common Approaches To Teaching Writing In Iranian EFL Context. *International Journal of Instruction*, 11(3), 701-720.
- Mayer, R. E. (1989). Models for Understanding. *Review of Educational Research*, 59 (1), 43–64.
- Nadzrah Abu Bakar, Norsimah Mat Awal & Nor Hashimah Jalaludin. (2011). Investigating Malay Language Writing Proficiency Level Among Upper Secondary School Students. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 11 (2), 39-51
- Nawi Ismail. (2011) Kaedah dalam penyampaian isi karangan. *Pelita Bahasa*, 14 (8), 44-45.
- Noraishah M. & Sanisah R. (2014). Kajian pengajaran bagi peningkatan kemahiran penulisan karangan melalui penggunaan frasa berbunga. Dalam Pusat Bahasa Melayu Singapura (Eds.), *Seminar Bahasa Melayu 2014*. (hlm. 171-179). MLCS. [https://mlcs.moe.edu.sg/files/paper\\_14.pdf](https://mlcs.moe.edu.sg/files/paper_14.pdf)

- Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 33-41.
- Nik Safiah Karim. (2004). *Bahasa Melayu Sedekad Yang Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Peloghitis, J. & Ferreira, D. (2018). Examining The Role Of Model Texts In Writing Instruction. *Accents Asia*, 10 (1), 17-26.
- Rakaswi, Adetya. 2013. Kemahiran menulis paragraf argumentasi dengan media gambar siswa kelas VII Sekolah Menengah Pertama Swasta Bintang Tanjung Pinang Tahun Pelajaran 2012/2013. Tesis Sarjana Universitas Maritim Raja Ali Haji.
- Roselan Baki (2003). *Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu*. Karisma Publications Sdn Bhd.
- Sri Kartika A. R. et al. (2014). Kesan Bahan Visual Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134, 454-462.
- Sulistyo, B., Anam, S. & Erwanto, E. (2023). From Speech To Text: Enhancing Descriptive Paragraph Writing With Unjuk Tutar's Learning Model. *Utamax: Journal of Ultimate Research and Trends in Education*. 5 (2), 61-69.
- Suppiah Nachiappan. (2006). Penggunaan gaya bahasa dan pemprosesan informasi dalam penulisan karangan melalui Analisis Hermeneutik. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Toulmin, S. E. et al. (1979) *An Introduction To Reasoning*. MacMillan.
- Yahya Othman, and Azmey Hj Othman, (2012) Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di Sebuah Sekolah Menengah Arab di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2), 32-45.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan tata bahasa melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LSP International Journal*, 4 (1), 23-35.